

15/11/08 BH

BIJAK membeli kereta

PENGGUNA yang ingin membeli kenderaan baru atau terpakai di pasaran perlu mempunyai sedikit pengetahuan dalam membuat penilaian sesebuah kenderaan yang ingin dibeli.

kuti beberapa panduan berikut yang boleh dimanfaatkan sebelum membuat pilihan.

Langkah pertama, sejak awal lagi pembeli perlu jelas dan menetapkan tujuan membeli kereta berkenaan. Jangan sampai terpengaruh dengan taktik penjual kereta yang mempengaruhi anda untuk membeli kereta lain.

Biasanya ada tiga sebab mengapa seseorang ingin membeli kereta. Pertama, membeli kereta untuk memenuhi keperluan dasar sebagai alat pengangkutan seharian.

Kedua, untuk menunjukkan status atau diri dalam persekitaran masyarakat dan ketiga untuk mendapatkan kepuasan atau memuaskan hobi.

Golongan terakhir itu biasanya sudah memiliki kereta lain untuk alat pengangkutan seharian, mereka membeli kereta baru kerana minat kategori model kenderaan berkenaan.

Jika anda termasuk dalam kelompok pertama, belilah kenderaan serba guna, seperti MPV yang kini terdapat banyak model di pasaran.

Jika anda mengejar status, fikirkan kembali citra diri apa yang akan ingin ditampilkan. Contohnya, kereta dari model BMW dikenali sebagai kereta 'yuppies' (eksekutif muda yang berjaya). Sementara, Mercedes Benz kereta untuk golongan kaya dan eksklusif. Apabila anda termasuk dalam golongan ketiga, pilihan anda sangat luas kerana yang dicari adalah untuk kesenangan.

Harga kereta dan nilai jual semula tidak menjadi persoalan kepada individu seperti itu.

Selepas mengkategorikan diri anda dalam kelompok berkenaan anda boleh menyemak langkah berikutnya.

- * Pilihlah kereta yang popular untuk menjamin harga jual kembali yang menguntungkan, selain itu kemudahan alat ganti dan kemudahan servis lengkap.
- * Pilih warna dan aksesori yang banyak diminati. Jangan terlalu memilih warna kerana ia boleh merugikan kelak. Demikian juga aksesori. Contohnya, untuk kereta berkenaan, adakah jenis menggunakan gear automatik lebih popular, maka pilihlah jenis itu. Maklumat seperti itu boleh diperolehi melalui penjual di pusat edaran kenderaan.
- * Sedari batas kemampuan anda. Jangan terlalu gelojoh membeli kereta yang lebih mewah. Selain anggaran, biaya penyelenggaraan dan operasi seharian yang lebih mahal.
- * Harga kenderaan di Malaysia berdasarkan pasaran semasa, untuk itu kunjungi lebih dari satu penjual. Biasanya ada perbezaan layanan penjual kenderaan seperti bunga pinjaman lebih rendah dan jaminan servis kenderaan.
- * Jika ingin bertukar beli, jangan sebut harga dahulu sebelum tahu harga kereta baru. Kerana biasanya harga kereta baru lebih mahal, jika kena dengan harga jual semula ia boleh mengurangkan sedikit kos anda.

